

BAB 2

KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.0 Pengenalan

Sikap bahasa sebagai satu cabang sosiolinguistik terapan (*applied sociolinguistics*) (Holmes, 2008:406) sudah lama menarik minat ahli sosiolinguistik dan juga ahli sosiologi. Namun disebabkan sikap bahasa tergolong sebagai sejenis aktiviti psikologi dan merupakan sesuatu yang susah dikesan dengan mata kasar, kajian ke atasnya memerlukan kaedah-keadah spesifik.

Antara semua kaedah yang dibangunkan, teknik *matched-guise* adalah kaedah yang paling meluas digunakan (Butler, 2007; Thatcher, 2004; Romaine, 1995). Teknik ini membolehkan sikap bahasa subjek diuji tanpa disedari oleh mereka. Kajian-kajian yang berdasarkan teknik *matched-guise* tipikal (contohnya He, 2010; Ihemere, 2006; Cavallaro & Ng, 2009; Lung, 1997; Dixon, Mahoney & Cocks, 2002; Lai, 2009; Booth, 2009) dan yang diubahsuai menjadi teknik *verbal-guise* (contohnya Zhang, 2009; Lindemann, 2003; Young, 2003; McGee, 2009; Dailey, Giles & Jansma, 2005), malah yang melakukan inovasi ke atas pelaksanaan tradisional kedua-dua teknik ini (contohnya Bokhorst-Heng & Caleon, 2009; Campbell-Kibler, 2008; Bayard, Weatherall & Pittam, 2001; Ladegaard & Sachdev, 2006; Jarvella, Bang, Jakobsen & Mees, 2001; Lau, 2010) telah membuka mata ahli sosiolinguistik tentang kepelbagaian sikap masyarakat awam terhadap variasi-variasi yang dinilai secara tidak atau separa sedar oleh mereka. Sememangnya penggunaan teknik *matched-guise* dan variasinya *verbal-guise* menjadi begitu popular sehingga seseorang mungkin terlepas pandang bahawa teknik *matched-guise* sebenarnya diperkenalkan lebih 50 tahun yang lalu.

Bab 2 ini terdiri daripada empat bahagian, iaitu pengenalan kepada sikap bahasa, perbincangan mengenai teknik *matched-guise*, teknik *matched-guise* (dan variasinya) sebagai teknik yang diiktiraf, dan diakhiri dengan dimensi-dimensi kajian sikap bahasa.

2.1 Sikap bahasa

Bahagian ini menyentuh tentang definisi sikap bahasa, teori-teori berkaitan sikap bahasa, dan kaedah-kaedah kajian yang biasa digunakan dalam kajian sikap bahasa.

2.1.1 Definisi

Sikap (*attitude*) seseorang merujuk kepada bentuk pemikiran, perasaan dan tindak balasnya ke atas individu, kumpulan, isu-isu sosial mahupun apa-apa peristiwa di persekitaran yang mana bentuk tersebut adalah tersusun dan konsisten (Lambert & Lambert, 1973:72). Disebabkan sikap adalah konsisten, hubungan antara sikap dan perlakuan manusia yang lahir daripadanya boleh menjadi ketara. Dalam erti kata lain, konsep sikap boleh digunakan untuk menjelaskan darjah konsistensi perlakuan seseorang kerana perlakuan individu berkenaan adalah berasaskan kepada sikapnya (Oskamp, 1977:5).

Meskipun dalam fahaman kebanyakan orang, sikap boleh ditakrifkan sebagai “*a disposition to react favourably or unfavourably to a class of objects*” (Sarnoff, 1970:279), terma ini mempunyai definisi yang tersendiri dalam bidang sains sosial. Menurut Oskamp (1977:7), sikap bermaksud “*posture of the mind*”. Definisi ini dianalogikan dengan postur badan seseorang, iaitu cara-cara dan ciri-ciri individu dalam pembawaan badannya, sama ada berdiri, berjalan, berehat atau melakukan aktiviti lain. Dengan ini postur minda boleh difikirkan sebagai corak pemikiran seseorang dengan ciri-ciri tersendiri. Idea Oskamp disokong oleh Allport (dalam Oskamp, 1977) yang mendefinisikan sikap secara komprehensif. Allport berpendapat bahawa kesediaan

untuk bertindak balas merupakan satu ciri yang penting dalam definisi sikap. Sikap dikatakan sebagai persediaan kepada perlakuan, “*a predisposition to respond in a particular way to the attitude object*” (Oskamp, 1977:8), dan objek sikap (*attitude object*) melingkungi barang, manusia, tempat, idea, atau situasi. Dua lagi ciri yang juga dianggap penting dalam mendefinisikan sikap ialah daya motivasi sikap (dalam perangsangan perlakuan) dan kelasakan sikap (tidak senang berubah) (Oskamp, 1977:8). Boleh disimpulkan bahawa sikap merupakan kesediaan dalaman seseorang untuk bertindak apabila berdepan dengan objek-objek sikap yang disukai atau sebaliknya.

Sikap bahasa (*language attitude*) pula merupakan sikap yang objek sikapnya berkenaan dengan bahasa, iaitu boleh merujuk kepada bahasa *per se* (contohnya sama ada sesuatu variasi bahasa adalah ‘sedap didengar’, ‘tidak sedap didengar’, ‘kaya’, ‘tidak kaya’ dan seumpamanya), atau diluaskan skopnya untuk merangkumi sikap terhadap penutur-penutur sesuatu variasi (Schilling-Estes, 2002), mahupun cara-cara melayan sesuatu bahasa (contohnya pengejalan bahasa dan perancangan bahasa) (Fasold, 1984). Sikap terhadap bahasa *per se* adalah menarik kerana secara semulajadinya tiada satu variasi bahasa yang lebih baik atau cantik berbanding variasi lain (Holmes, 2008). Namun, disebabkan prejudis sosial, sikap terhadap bahasa *per se* adalah ketara sehingga pelbagai isu boleh timbul daripadanya, contohnya kebolehfahaman (Wolff, 1959), perancangan bahasa yang terpaksa akur kepada faktor sosial dan politik, soal prestij *overt* dan *covert* (Holmes, 2008), serta perkaitan antara ciri-ciri linguistik sesuatu variasi bahasa dengan stereotaip golongan penutur (Preston, 2002).

Meskipun sikap bahasa penting dalam perkembangan, pelupusan, mahupun perlakuan bahasa manusia, ahli-ahli linguis belum mencapai kata sepakat dalam definisi sikap bahasa. Crystal (1992) berpendapat bahawa sikap bahasa ialah pendapat seseorang terhadap bahasa sendiri atau bahasa orang lain. Trudgill (2003:73) pula melihat sikap

bahasa sebagai sikap manusia secara positif atau sebaliknya terhadap bahasa, dialek, loghat dan penutur bahasa yang berlainan. Sikap bahasa bukan sahaja ditunjukkan dalam penilaian objektif terhadap ciri-ciri penutur, malah dalam penilaian objektif terhadap nilai estetik dan betapa standard serta praktikalnya sesuatu variasi (Trudgill, 2003:73).

Walau bagaimanapun, sikap bahasa tidak wujud semasa kelahiran manusia. Sebaliknya, pembentukan dan perkembangannya adalah seiring dengan kekerapan interaksi sosial seseorang yang semakin pesat dalam proses sosialisasinya. Kenyataan ini dijelaskan dengan baik oleh Lambert & Lambert (1973:72), iaitu sikap terbentuk apabila fikiran dan kepercayaan, perasaan atau emosi, dan kecenderungan untuk bertindak balas saling berkait antara satu sama lain sehingga satu-satu perasaan spesifik dan kecenderungan untuk bertindak balas boleh dikaitkan dengan objek sikap secara konsisten. Sikap berkembang selari dengan penyesuaian terhadap persekitaran dan boleh dilentur dengan pengalaman baru pada peringkat awal, tetapi akhirnya menjadi tidak fleksibel dan stereotaip kerana manusia sudah biasa untuk bertindak balas dalam cara-cara standard terhadap peristiwa atau kumpulan tertentu (Lambert & Lambert, 1973:72). Untuk memperincikan pembentukan sikap bahasa, Bradac, Cargile & Hallett (2001:147) menghuraikan tiga sumber yang mungkin, iaitu faktor budaya, bias fungsional (*functional biases*), dan biologi. Faktor budaya berkaitan dengan situasi yang mana sesuatu variasi dinilai tinggi (atau diberi status standard) atau sebaliknya dalam sesetengah budaya, sementara faktor biologi mencadangkan variasi bahasa yang mempunyai ciri-ciri fonologi tertentu mungkin mempunyai kesan berbeza ke atas pendengar. Bias fungsional pula menyatakan bahawa sikap bahasa yang berfungsi untuk menjelaskan dunia sosial pendengar dapat kekal lebih lama berbanding dengan sikap bahasa yang orientasinya bertentangan dengan dunia sosial pendengar. Contohnya,

penilaian negatif ke atas *Black English* adalah lebih diterima masyarakat umum berbanding penilaian positif (Bradac, Cargile & Hallett, 2001).

2.1.2 Teori-teori berkaitan

Perbincangan tentang sikap bahasa biasanya dikaitkan dengan dua teori asas yang utama iaitu fahaman *mentalist* dan fahaman *behaviourist*. Fasold (1984) menyatakan bahawa kebanyakan kajian sikap bahasa adalah berdasarkan fahaman *mentalist* yang melihat sikap bahasa sebagai satu keadaan yang bersedia (contoh kajian seperti El-Dash & Busnardo, 2001; Lawson & Sachdev, 2000; Gao, Su & Zhou, 2000; Cargile & Giles, 1998; Hoare, 2001; Long, 1999). Kesediaan dalaman ini membolehkan seseorang bertindak balas terhadap sesuatu rangsangan dengan cara tertentu. Fahaman *behaviourist* pula menyatakan sikap boleh dikesan dengan melihat kepada tindak balas manusia terhadap situasi sosial (Fasold, 1984). Boleh disimpulkan bahawa fahaman *mentalist* memfokus kepada aspek *internal* iaitu kesediaan dalaman mental sementara fahaman *behaviourist* mementingkan aspek *external* iaitu tingkah laku manusia yang boleh diperhatikan.

Fahaman *mentalist* melihat sikap sebagai terdiri daripada tiga komponen, iaitu *cognitive* (pengetahuan), *affective* (perasaan), dan *connative* (tindakan/*behavioural*) (Agheyisi & Fishman dan Cooper & Fishman dalam Fasold, 1984; Oskamp, 1977; Ladegaard, 2000; Edwards, 1982). Fahaman *behaviourist* pula hanya melihat sikap sebagai unit tunggal. Hal ini menjadikan kajian yang berdasarkan fahaman *behaviourist* lebih senang dilakukan kerana pengkaji hanya perlu memerhatikan tingkah laku subjek-subjek kajian yang eksplisit.

Walaupun Bierbach (1988) mendakwa perbezaan antara kedua-dua fahaman ini adalah minimal dalam kajian empirikal, kajian berdasarkan fahaman *behaviourist* dikatakan kurang menarik kerana menurut fahaman ini sikap tidak boleh digunakan

untuk meramalkan tingkah laku lain oleh subjek (Agheyisi & Fishman dalam Fasold, 1984). Keadaan adalah berbeza untuk fahaman *mentalist* yang digunapakai dalam kajian Lambert et al. kerana tingkah laku linguistik subjek boleh diramal (Obiols, 2002). Namun fahaman *mentalist* juga mempunyai kelemahannya kerana ketepatan data yang diberikan oleh subjek boleh menimbulkan keraguan. Ralat mungkin wujud sekiranya pengkaji perlu membuat inferens ke atas tingkah laku subjek berkenaan (Fasold, 1984).

2.1.3 Kaedah kajian yang biasa digunakan

Kajian sikap (*attitude studies*) tergolong dalam bidang psikologi sosial (Fasold, 1984; Allport, 1935; McGuire, 1969). Kajian sikap mula mendapat perhatian selepas penciptaan skala pembezaan semantik (*semantic differential scales*) bagi pengukuran sikap oleh Osgood, Suci & Tannenbaum (1957) dan seterusnya penggunaan teknik *matched-guise* oleh Lambert, Hodgson, Gardner & Fillenbaum (1960) untuk mengkaji tindak balas verbal orang ramai terhadap sikap bahasa.

Terdapat dua jenis kaedah umum yang boleh digunakan untuk mengkaji sikap bahasa: Kaedah langsung (*direct method*) dan tidak langsung (*indirect method*) (Fasold, 1984; Cooper & Fishman, 1974).

2.1.3.1 Kaedah langsung

Kaedah langsung lazimnya mengehendaki responden melaporkan sikap bahasa mereka sama ada melalui soal selidik atau temu bual, seperti dalam kajian Ting (2003), Wang (2006), dan Harada (2009). Skop soalan yang biasa ditanya termasuk penilaian terhadap bahasa, pemilihan bahasa, motif pembelajaran bahasa, penilaian terhadap komuniti yang menuturkan sesuatu variasi, penilaian terhadap penggunaan bahasa sendiri dan seumpamanya. Trudgill (1972) menggunakan ujian penilaian sendiri (*self-evaluation test*) ciptaan Labov pada tahun 1966 untuk mengkaji perbezaan antara

penilaian sendiri penutur bahasa Inggeris Norwich dan perlakuan bahasa mereka yang sebenar. Dapatan beliau menunjukkan terdapat penutur yang melapor lebih (*overt-reporters*) dan yang melapor kurang (*under-reporters*). Daripada situ beliau mengemukakan konsep prestij *covert* dan prestij *overt*. Agheyisi & Fishman dalam Fasold (1984) turut menyentuh tentang aspek-aspek soal selidik (soalan terbuka yang memberi responden kebebasan maksimum untuk memberi pendapat tetapi dengan risiko terpesong dari topik, dan soalan tertutup yang senang dijawab tetapi responden terpaksa menjawab dalam terma pengkaji) dan temu bual sebagai ‘soal selidik soalan terbuka tanpa kertas soal selidik’. Walau bagaimanapun kaedah langsung susah mendapat gambaran yang menyeluruh dan representatif kerana responden-responden mungkin menyembunyikan perspektif asal mereka disebabkan motif persembahan diri (*self-presentational motive*) (Holmes, 2008; Preston, 2002).

2.1.3.2 Kaedah tidak langsung

Kaedah tidak langsung dibangunkan untuk mengatasi kelemahan kaedah langsung. Dalam kaedah ini responden tidak sedar bahawa sikap bahasa mereka sedang dikaji, contohnya pemerhatian (Holmes, 2008; Agheyisi & Fishman dalam Fasold, 1984). Satu pendekatan popular kaedah tidak langsung ialah teknik *matched-guise* (rujuk bahagian 2.2). Selain teknik *matched-guise*, Fasold (1984) memperkenalkan satu lagi pendekatan iaitu merekodkan percakapan antara kanak-kanak berkulit putih dan hitam dalam video. Responden diminta menilai percakapan kanak-kanak tersebut. Seterusnya kanak-kanak berkulit hitam diminta bersuara dengan meniru apa yang dicakapkan oleh kanak-kanak berkulit putih, dan suara mereka dipadankan dengan pergerakan mulut kanak-kanak berkulit putih, seolah-olah kanak-kanak berkulit putih mengeluarkan suara kanak-kanak berkulit hitam (kanak-kanak berkulit putih juga melakukan yang sebaliknya). Dapatan kajian beliau menunjukkan penilaian bahasa

adalah tindakan subjektif kerana responden tidak dapat menentukan identiti penutur dengan hanya mendengar suara yang dikeluarkan.

2.2 Teknik *matched-guise* (MG)

Bahagian ini merangkumi perbincangan mengenai teknik MG sebagai teknik klasik dalam kajian sikap bahasa, kritikan teknik MG, serta teknik *verbal-guise*.

2.2.1 Teknik MG sebagai teknik klasik dalam kajian sikap bahasa

Ihemere (2006), Cavallaro & Ng (2009), Fasold (1984) dan Luhman (1990) menyentuh tentang teknik MG sebagai satu kaedah standard dalam kajian sikap bahasa. Pelaksanaan ujian MG yang tipikal adalah: Sejumlah penutur bilingual yang lancar menuturkan bahasa-bahasa yang dikaji dikumpulkan. Disebabkan teknik ini bertujuan mengawal semua pembolehubah (contohnya kepantasan, kelangsingan suara, kualiti suara) kecuali bahasa, setiap seorang daripada mereka akan membacakan teks yang sama isi kandungannya sekali dalam satu bahasa dan sekali lagi dalam bahasa yang satu lagi (menggunakan teks terjemahan). Pembacaan mereka dirakamkan dan dimainkan kepada sekumpulan responden daripada komuniti bahasa yang sama, yang mana pasangan rakaman untuk satu-satu pembaca akan sengaja dipisahkan antara satu sama lain dengan penyelitan rakaman-rakaman daripada pembaca lain di antaranya agar responden-responden tidak sedar bahawa satu-satu pembaca telah baca sebanyak dua kali. Dengan ini diandaikan bahawa responden-responden dikelirukan dan melupakan kualiti suara satu-satu pembaca sehingga menganggap kesemua rakaman adalah masing-masing daripada individu yang berbeza.

Seterusnya responden-responden diminta menilai pembaca-pembaca berdasarkan ciri-ciri seperti ketinggian, kecerdasan, kelas sosial, kesukaan dan sebagainya. Sekiranya satu-satu pembaca dinilai secara berbeza dalam rakaman-

rakamannya, perbezaan penilaian ini semestinya disebabkan oleh perbezaan bahasa memandangkan semua pembolehubah lain (contohnya suara dan isi kandungan rakaman) adalah malar (Fasold, 1984:150). Giles & Bourhis (1976) pula melaporkan satu alternatif ujian MG iaitu membahagikan responden-responden kepada dua kumpulan. Setiap kumpulan dimainkan satu daripada dua rakaman. Tujuannya adalah untuk mengesan sama ada responden-responden memberi penilaian serupa kepada dua rakaman berkenaan.

Teknik MG telah digunakan dengan meluas dalam kajian sikap bahasa. Penciptanya Lambert, Hodgson, Gardner & Fillenbaum (1960) menggunakan teknik ini untuk mengukur sikap bahasa sekumpulan penutur di Montreal yang mempunyai sikap yang stereotaip. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan penutur bahasa Inggeris dan Perancis berasa pembaca bahasa Inggeris mempunyai ciri-ciri yang lebih baik (contohnya baik, berwawasan, berkeyakinan, cerdas) berbanding pembaca bahasa Perancis. Pengkaji menyimpulkan bahawa hal ini menunjukkan penutur bahasa Perancis menganggap budaya mereka sebagai *inferior* (Lambert & Lambert, 1973).

Ekoran daripada kajian Montreal, teknik MG juga diaplikasikan dalam kajian variasi bahasa lain, antaranya bahasa Hebrew dan bahasa Arab (Cooper & Fishman, 1974), bahasa Inggeris Standard dan bahasa Inggeris basahan Singapura (Cavallaro & Ng, 2009), bahasa Ikwerre dan bahasa Inggeris pinyin Nigeria (Ihemere, 2006), serta bidang pedagogi seperti sikap pembelajaran bahasa asing, prejudis pengajar, dan sikap terhadap bahasa pelajar (Gaies & Beebe, 1991). Contohnya, dalam kajian MG oleh Cooper & Fishman (1974), mereka mendapati dalam kalangan orang Muslim Israel, teks saintifik yang dibacakan dalam bahasa Hebrew membawa kesan psikologi yang lebih ketara berbanding dengan pembacaan teks yang sama dalam bahasa Arab. Pada masa yang sama, teks yang menggunakan perbincangan tradisional didapati lebih mendapat hati orang Muslim Israel kalau dibacakan dalam bahasa Arab. Justeru Cooper

dan Fishman mengesahkan hipotesis bahawa sikap penduduk Muslim Israel terhadap bahasa Hebrew menjadikan variasi ini lebih berkesan sebagai bahasa saintifik, sementara bahasa Arab lebih sesuai digunakan dalam perbincangan berunsur tradisional. Dalam kajian MG oleh Cavallaro & Ng (2009) pula, didapati orang Singapura jauh lebih bersikap positif terhadap bahasa Inggeris Standard berbanding bahasa Inggeris basahan Singapura. Kelebihan yang dipunyai bahasa Inggeris Standard ini tetap mantap meskipun dalam penilaian dari dimensi kekitaan. Pengkaji mengaitkan fenomena ini dengan kesan kempen-kempen kesedaran bahasa ke atas sikap orang Singapura. Kupasan kajian-kajian sedemikian menunjukkan dengan jelas bahawa teknik MG sememangnya boleh membantu ahli sosiolinguistik mendalami sikap bahasa komuniti dan masyarakat sasaran.

2.2.2 Kritikan teknik MG

Fasold (1984:153-155) menyenaraikan empat masalah berkenaan penggunaan teknik MG, iaitu (1) pembaca mungkin dinilai berdasarkan bacaannya dan bukannya variasi bahasa yang digunakan; (2) wujudnya kemungkinan satu daripada variasi bahasa yang dikaji tidak kongruen dengan topik; (3) kesahan instrumen pengukuran; dan (4) ketidakaslian (*artificiality*). Masalah (1) turut disentuh oleh Bradac, Cargile & Hallett (2001) dengan mengaitkannya dengan kemungkinan pembaca menaikkan kenyaringan suara apabila menyampaikan mesej yang intensiti bahasanya tinggi. Selain itu Bradac, Cargile & Hallett (2001:140-141) juga membangkitkan pertanyaan sama ada tahap kesedaran (*awareness*) responden yang tinggi semasa mereka menjawab soal selidik akan mempengaruhi generalisasi dapatan kajian, di samping mendakwa ujian MG adalah *acontextual*. Sebenarnya Lambert sendiri turut mempersoalkan tindak balas responden-responden – sama ada mereka menjawab berdasarkan pendapat asal mereka atau berdasarkan apa yang sepatutnya ditunjukkan oleh mereka dalam konteks awam

(dalam Obiols, 2002). Bagi mengatasi kebanyakan masalah tersebut, pengkaji-pengkaji seperti d'Anglejan & Tucker (1973), El-Dash & Tucker (1975), Kimple (1968), dan Giles & Bourhis (1976) telah menjalankan kajian-kajian alternatif dengan darjah modifikasi yang berbeza dilakukan ke atas ujian MG tipikal (dalam Fasold, 1984).

2.2.3 Teknik *verbal-guise*

Selain kritikan-kritikan yang disebutkan dalam bahagian 2.2.2, teknik MG juga dikatakan sebagai kurang sesuai digunakan apabila semua rakaman dihasilkan dalam bahasa yang sama tetapi hanya dibacakan menggunakan loghat berbeza. Rasionalnya adalah: Di samping susah untuk mencari penutur yang fasih dalam loghat berbeza (Campbell-Kibler, 2008; Zhang, 2009; Dailey, Giles & Jansma, 2005; Cooper & Fishman, 1974), responden-responden juga boleh mengesan dengan senang bahawa rakaman-rakaman adalah dari pembaca yang sama (Lindemann, 2003:351). Dengan ini teknik *verbal-guise* dibangunkan sebagai pengubahsuaian ke atas teknik MG tipikal untuk kegunaan dalam situasi-situasi tersebut (Hiraga, 2005; McKenzie, 2008; Garrett, Coupland & Williams, 2003; Dailey, Giles & Jansma, 2005).

Pengelolaan teknik *verbal-guise* adalah serupa dengan teknik MG, melainkan dalam teknik *verbal-guise*, responden benar-benar didedahkan kepada rakaman-rakaman yang setiap satunya dihasilkan oleh pembaca yang berbeza, seperti yang dilakukan oleh Hiraga (2005) dan Zhang (2009) – kajian Hiraga menumpu kepada enam variasi bahasa Inggeris, yakni *Received Pronunciation* (RP), bahasa Inggeris Amerika, variasi Birmingham, variasi bandar New York, variasi West Yorkshire, dan variasi Alabama; kajian Zhang juga berkisar tentang variasi bahasa Inggeris, melainkan beliau mengkaji sebanyak lapan variasi: RP, variasi Tyneside, bahasa Inggeris Amerika, bahasa Inggeris Australia, bahasa Inggeris Filipina, bahasa Inggeris yang berloghatkan Mandarin, dan dua variasi bahasa Inggeris di Hong Kong (satu loghat golongan

berpendidikan dan satu lagi loghat orang biasa). Dalam kajian-kajian seumpama ini, pembaca-pembaca yang berbeza sememangnya diperlukan.

Meskipun penggunaan pelbagai pembaca dikatakan sebagai mempengaruhi kekuatan teknik MG tipikal, contohnya memperkenalkan pembolehubah-pembolehubah paralinguistik (Kerswill, 2002), Holmes (2008:419) mendakwa bahawa aspek yang lebih perlu diberi perhatian adalah sama ada semua pembaca mempunyai kefasihan dan keyakinan yang serupa.

2.3 Teknik MG (dan variasinya) sebagai teknik yang diiktiraf

Meskipun kedua-dua teknik MG klasik dan *verbal-guise* mempunyai kelemahan masing-masing, namun kalau diaplikasikan dengan sesuai dalam konteks kajian tertentu, teknik-teknik ini boleh saling melengkapi. Sehingga kini kedua-dua teknik tersebut masih amat berguna dalam membantu ahli sosiolinguistik menyelidik sikap bahasa masyarakat umum, dengan syarat pengkaji sedar akan kelemahan-kelemahannya, melalui proses pemilihan pembaca dan rakaman yang teliti, dan cuba untuk tidak membuat generalisasi secara keterlaluan. Sesungguhnya, teknik MG bukan sahaja merupakan satu-satunya teknik terkemuka (*well known*) (Romaine, 1995:289) yang digunakan dengan paling meluas dalam usaha mendalami dimensi-dimensi sikap bahasa terhadap bahasa, dialek dan loghat (Thatcher, 2004; Butler, 2007), ia juga dikatakan sebagai “[t]he most fruitful experimental measures of subjective reactions to linguistic variation” (Labov, 2001:194) dan juga “a rigorous and elegant method for eliciting apparently private attitudes” (Giles & Billings, 2004:190). Penggunaannya dalam kajian sikap bahasa di setting komuniti yang berbeza adalah setara dengan pengiktirafannya sebagai teknik yang berguna (Zhang, 2009). Kenyataan ini disokong oleh Cavallaro & Ng (2009) yang mendakwa bahawa betapa kuatnya impak persepsi pendengar terhadap loghat atau variasi boleh dilihat sepanjang kajian-kajian MG yang

dilakukan selama ini. Dengan ini kebergunaan teknik MG (dan variasinya) jelas terserlah.

2.4 Dimensi-dimensi kajian sikap bahasa

Kajian-kajian sikap bahasa biasanya menumpu kepada dua kumpulan dimensi iaitu kumpulan (1): ‘Status dan kompetens’ serta kumpulan (2): ‘Integriti individu dan daya tarikan sosial (*social attractiveness*)’ (contohnya Lambert, 1967; Giles, 1971; Giles, 1973; Edwards, 1977; Edwards, 1982; Edwards & Jacobsen, 1987), meskipun terdapat juga kajian yang mendalami pecahan-pecahan dimensi dan melihat kepada dinamisme, ciri-ciri positif dan negatif, jarak sosial, kehormatan (contohnya Dailey, Giles & Jansma, 2005); serta penilaian, potensi, dan aktiviti (contohnya Osgood, Suci & Tannenbaum, 1957). Untuk dimensi status dan kompetens, responden akan diuji berdasarkan pendapat mereka terhadap sifat-sifat personaliti (*personality traits*) yang dirasakan ditunjukkan oleh pembaca seperti kecerdikan, keyakinan, kerajinan, profesionalisme; sementara untuk dimensi integriti dan daya tarikan sosial, sifat-sifat seperti keikhlasan, kebolehbergantungan (*reliability*), kemurahan hati, kesenangan pergaulan dan kesungguhan (*warmth*) pula akan dikaji. Kumpulan (1) dan (2) tersebut selalunya diringkaskan sebagai dua dimensi utama iaitu dimensi ‘status’ dan dimensi ‘kekitaan (*solidarity*)’ (contoh kajian seperti Romaine, 1980; Cavallaro & Ng, 2009; Bayard, 1990).

Secara amnya, masyarakat umum akan memberikan taraf status tinggi kepada variasi yang standard dan memberikan taraf status rendah kepada variasi yang tidak standard; tetapi pada masa yang sama variasi yang tidak standard dilabel sebagai lebih menyerlah dalam dimensi kekitaan berbanding variasi standard. Keseragaman pola reaksi ini rata-rata benar untuk kesemua individu tanpa mengira sama ada mereka menuturkan variasi standard atau tidak. Selain aplikasi dalam kajian antara variasi

standard dan tidak standard (contohnya Hiraga, 2005; Giles & Billings, 2004; El Dash & Tucker, 1975; Tucker & Lambert, 1972), teknik MG turut digunakan dalam mengkaji sikap bahasa responden terhadap variasi-variasi berlainan (contohnya Lieberman, 1975; Xu, Chew & Chen, 1998) dan loghat-loghat berlainan (contohnya Coupland & Bishop, 2007; Gill, 1994; Strongman & Woosley, 1967; Lambert, Hodgson, Gardner & Fillenbaum, 1960; Bourhis, Giles & Tajfel, 1973; Ryan & Carranza, 1975). Hasil kajian juga selalunya mengesahkan intuisi umum bahawa memang wujudnya prejudis stereotaip terhadap sesuatu variasi linguistik, dan prejudis stereotaip ini diunjurkan pula kepada kumpulan sosial yang menggunakan variasi berkenaan (Obiols, 2002). Selain itu hasil kajian juga membuktikan bahawa pengguna variasi yang kurang berprestij mempunyai imej sendiri yang negatif (Obiols, 2002).